

10/07/2002

AS terima peralihan kepemimpinan Malaysia

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA, Selasa - Amerika Syarikat memahami dan menerima proses peralihan kepemimpinan di Malaysia sepanjang tempoh 16 bulan ini, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Syed Hamid berkata, Kuala Lumpur menjelaskan kepada Amerika bahawa apa juga peralihan kepemimpinan yang berlaku di negara ini, ia tidak akan menimbulkan sebarang konflik atau ketidakstabilan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Kita juga menerangkan kepada mereka yang rakyat negara ini menerima peralihan kuasa dengan semangat positif.

"Pada masa yang sama, kita meyakinkan Amerika bahawa proses ini mengikut tradisi yang telah diamalkan sekian lama," katanya ketika ditanya pemberita mengenai penerimaan Amerika Syarikat kepada proses peralihan kepemimpinan negara ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Pengarah Kanan Hal Ehwal Asia, Majlis Keselamatan Negara Amerika Syarikat, James Moriarty, di Wisma Putra hari ini.

Moriarty dalam lawatan dua hari ke sini, semalam menemui Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim. Beliau berada di sini dalam siri lawatannya ke beberapa negara Asean termasuk Singapura dan Thailand.

Syed Hamid berkata, Amerika juga sudah yakin bahawa perubahan politik sekarang tidak akan menjejaskan hubungan kedua-dua negara.

"Saya telah memberi jaminan kepada beliau yang peralihan kuasa adalah mengikut tradisi, hierarki dan soal pengganti semuanya diselesaikan secara persahabatan," katanya.

Dalam pertemuan lebih sejam dengan Moriarty, Syed Hamid berkata, mereka juga bertukar pandangan mengenai isu antarabangsa dan serantau seperti kestabilan, kerjasama dalam memerangi keganasan dan isu kepentingan bersama yang lain.

Katanya, Moriarty menyampaikan rasa puas hati kerajaan Amerika Syarikat dan kegembiraan Presiden George W Bush terhadap lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Washington pada Mei lalu.

"Mereka melihatnya sebagai usaha dua hala yang sangat konstruktif untuk bekerjasama dalam menangani keganasan antarabangsa secara berkesan dan penuh bermakna.

"Mereka juga menyatakan rasa puas hati dengan pelbagai langkah yang diambil Malaysia dalam memerangi keganasan," kata beliau.

Syed Hamid berkata beliau juga membangkitkan isu Palestin yang perlu diselesaikan dan sebagai kuasa besar, Amerika perlu memainkan peranannya dalam mencapai penyelesaian politik di Asia Barat.